

UUM/553/UM/11.09.2001/p:4(C1)



YAHYA ABU BAKAR dan isteri, Kalsom Ahmad melihat album keluarga sambil minum petang.

gan guru-guru.

Sebarang masalah berkaitan pendidikan anak-anak, beliau sentiasa membuat susulan dengan berjumpa pihak sekolah atau guru yang berkenaan.

Tambah Ustaz Yahya, walau pun beliau dan isteri pernah membuat persediaan untuk ke tanah suci pada tahun 1987, namun pemergian itu terpaksa ditunda untuk memberi laluan kepada pelajaran anak-anak.

Bagaimana pun, beliau tidak pernah merasa ralat walau sedikit kerana pengorbanan tersebut lebih penting demi masa depan mereka.

"Begitu juga rumah ni. Walau dah uzur dan barang-barang untuk membaikinya dah ada, tapi tidak berkesempatan kerana keperluan pendidikan anak-anak lebih penting," jelasnya.

Menceritakan perihal anak-anak, katanya, anak sulungnya, Mohd. Nizam, 24, merupakan graduan Universiti Seishi yang kini bertugas sebagai jurutera di sebuah syarikat swasta di Kuala Lumpur.

Anak kedua, Mohd. Hisham, 21, sedang menuntut di Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam bidang perakaunan, manakala Nurul Hafizah, 20 berada di Unversiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Slim River, Perak.

Dua lagi anak mereka, Nurul Hadi-biyah, berada dalam tingkatan dua di Sekolah Menengah Seri Gunung, manakala Mohd. Khairul Anuar, 6, akan mula bersekolah pada tahun depan.

Mengakhiri perbualan, Ustaz Yahya sudi berkongsi petua untuk mendapat anak yang soleh dan bijak iaitu dengan membacakan surah Al A'raf ayat 189.

Katanya, ketika isteri sedang hamil, suami membacakan ayat tersebut sambil tapak tangan diletakkan ke perut isteri pada setiap malam.

"Selain itu, kita sendiri perlu menjaga akhlak dan memakan makanan yang bersih dan halal. Mudah-mudahan, dengan izin Allah, kita beroleh anak-anak yang sihat, bijak dan soleh," katanya.